



POLISI KHAIRAT KEMATIAN MASJID HIMMATUL ALIYAH

FASAL 1: PENAUNG

Khairat Kematian ini dinaungi oleh Nazir serta Ahli Jawatan Kuasa Induk Masjid Himmatul Aliyah.

FASAL 2: NAMA & ALAMAT

1. Badan ini dinamakan

'JAWATANKUASA KHAIRAT KEMATIAN MASJID HIMMATUL ALIYAH'

2. Alamat Surat Menyurat adalah seperti berikut;

***Jawatankuasa Khairat Kematian
Masjid Masjid Himmatul Aliyah,
Lot 2962, Batu 6, Kg Seri Gambut,
40460 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.***

FASAL 3: TUJUAN

Badan Khairat Kematian ini ditubuhkan untuk memberi bantuan;

1. (Bagi yang menjadi Ahli) - mengurangkan beban kos pengurusan yang berkaitan dengan jenazah.

2. (Bagi ahli dan bukan Ahli) – menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan jenazah iaitu daripada memandi, mengkafan, menyembahyang hingga mengkebumikan jenazah.

(*: jika sekiranya waris meminta jenazah diuruskan di kariah Masjid MHA sahaja)

3. 10% daripada jumlah kutipan tahunan khairat kematian akan di gunakan untuk :-

- i. Bayanan pengurusan penyenggaraan sistem -rm450/tahun
- ii. Bayaran elaun pengurusan dalaman sistem khairat - rm2000/tahun
- iii. Bayaran Insuren van jenazah - rm1300/tahun
- iv. Bayaran service van jenazah - rm700/tahun
- v. Bayaran untuk penyelenggaraan van kecemasan - rm3000/tahun
- vi. Jika tidak duduk fasal 12 (9)5, maka duit dikembalikan ke akaun khairat.

Rm5000

- vii. Pembayaran fasal (12)1 & fasal (12)2 akan dilaksanakan selepas kemaskini bayaran tahunan tahun berikutnya.
- viii. Keuntungan daripada simpanan tetap akan di gunakan utk pengurusan dan manfaat ahli khairat MHASG.

FASAL 4: PERLANTIKAN AHLI JAWATANKUASA

1. Biro Khairat ini secara automatik di pengrusikan oleh Ketua Biro Khairat Kematian Masjid Himmatul Aliyah.
2. Ahli-ahli Jawatankuasa ini dilantik oleh Ketua Biro Khairat Kematian Masjid Himmatul Aliyah dan hendaklah mendapat kelulusan daripada Nazir serta Jawatan Kuasa Induk Masjid Himmatul Aliyah.
3. Ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah penduduk yang bermastautin atau bermukim di Kariah Masjid Himmatul Aliyah (Untuk takrifan sila rujuk fasal 6)
4. Ahli Jawatankuasa Badan Khairat Kematian perlu dirombak dan dilantik semula jika sekiranya Ketua Biro Khairat Kematian Masjid Himmatul Aliyah bertukar atau meletakkan jawatan atau habis tempoh perkhidmatannya. Bagaimanapun sebarang rombakan bergantung kepada arahan oleh Nazir Masjid.

FASAL 5 : SYARAT KEAHLIAN

1. Ahli adalah ketua keluarga terdiri daripada **Warganegara Malaysia, orang Islam** dan **bermastautin** atau **bermukim** di kariah Masjid Himmatul Aliyah.
2. Seseorang ahli baru (atau mendaftar semula setelah berhenti menjadi ahli) hendaklah mengisi borang (e-khairat) yang disediakan oleh Biro Khairat ini dan dimestikan membayar bayaran Pendaftaran sebanyak RM10.00 dan Yuran tahunan RM50.00. Manakala tahun berikutnya boleh membayar secara online / tunai kepada bendahari Khairat Kematian Masjid Himmatul Aliyah iaitu RM50.00.
3. Warga Emas hanya perlu mendaftar keahlian sekali sahaja dengan bayaran Pendaftaran sebanyak RM10.00 dan Yuran seumur hidup RM50.00.
4. Ahli yang gagal menjelaskan yuran sebanyak tiga (3) tahun berturut-turut, akan digantung keahliannya setelah diberi peringatan (melalui whatsapp atau SMS atau lisan). Untuk mengaktifkan semula keahlian, tunggakan yuran perlu dijelaskan sepenuhnya. Ahli yang digantung akan mendapat peruntukan seperti dalam Fasa-8 setelah semua tunggakan dijelaskan.
5. Ahli yang tidak menjelaskan yuran selama 3 tahun berturut-turut akan ditamatkan keahliannya setelah diberi peringatan (melalui whatsapp atau SMS atau lisan).

6. Ahli yang berpindah masih boleh kekal menjadi ahli sehingga tempoh 12 bulan dengan syarat yuran tahunan tahun berikutnya sudah dijelaskan, dan alamat baru hendaklah diberitahu supaya mudah dihubungi. Selepas 12 bulan daripada tarikh pindah keahlian akan ditamatkan. Jika ada bayaran yuran yang berbaki selepas 12 bulan akan dikembalikan. (Sekiranya ingin terus menjadi ahli ia tertakluk kepada Fasa-5(11).

7. Jika sekiranya berlaku kematian keatas Ibu/bapa atau ibu/bapa mertua atau ibu-ibu/bapa-bapa mertua ahli yang tinggal diluar kariah Masjid Himmatul Aliyah, Masjid akan membuat bacaan tahlil (fasal (8)1)

8. Sekiranya ahli yang berhasrat untuk menarik diri daripada menjadi ahli, maka ia tidak boleh menuntut semula segala yuran yang telah dibayar sehingga tahun yang dia berhenti. Jika ada baki bayaran yuran pendahuluan yang telah dibayar selepas tahun dia berhenti, baki tersebut akan dipulangkan.

9. Sekiranya pada sesuatu hari atau minggu atau bulan atau tahun itu berlaku kekerapan kematian yang menyebabkan tabung khairat tidak mencukupi untuk menampung setiap kos urusan jenazah, maka setiap ahli akan dikenakan yuran tambahan untuk menampung kekurangan tersebut. Nilai tambahan yuran akan diputuskan oleh Ahli Jawatankuasa Badan Khairat Kematian mengikut keperluan

10. Sekiranya ada penduduk, luar dari kariah Masjid Himmatul Aliyah berhajat menyertai Khairat Kematian MHA, keputusan adalah bergantung kepada persetujuan Nazir Masjid Himmatul Aliyah.

11. Jika sekiranya Ketua Keluarga (yang mendaftar sebagai ahli) meninggal dunia, keahlian boleh dipindahkan (disambung) kepada ketua keluarga yang baru. Nama ketua keluarga yang baru hendaklah dimaklumkan kepada Biro Khairat Kematian secepat mungkin.

12. Sekiranya timbul apa-apa masalah berhubung dengan tafsiran atau peraturan badan ini, keputusan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Badan Khairat Kematian Masjid Himmatul Aliyah adalah muktamad.

13. Sekiranya ahli mempunyai tanggungan (anak) berumur 25 tahun ke atas dan belum berkahwin dan ada pendapatan sendiri, dia (anak) perlu mengisi borang lain untuk diri sendiri.

atau

i. Anak ini akan menanggung bapa yang sudah mencapai umur 60 tahun (warga emas) Fasal (6)7

FASAL 6 : TAKRIF

1. Bermastautin ialah penduduk tetap yang tinggal dan membeli rumah di kariah Masjid Himmatul Aliyah.
2. Bermukim ialah penduduk sementara iaitu orang yang menyewa rumah di kariah Masjid Himmatul Aliyah.
3. Ahli Kariah ialah penduduk yang tinggal di kawasan yang telah digezetkan oleh JAIS sebagai Ahli Kariah Masjid Himmatul Aliyah.
4. Ketua Keluarga ialah Seseorang yang menjadi ketua kepada ahli keluarga didalam sesebuah rumah. Ketua keluarga boleh terdiri daripada Suami atau Isteri atau Duda atau Janda atau Anak yang berkahwin atau Anak Bujang atau Bapa Saudara atau sesiapa sahaja yang diterima oleh keluarga tersebut.
5. Tanggungan bagi Ketua Keluarga ialah semua ahli keluarga dibawah jagaannya yang mempunyai hubungan kekeluargaan termasuk anak-anak angkat (tidak termasuk orang yang diberi gaji seperti pembantu rumah). Ahli Keluarga tersebut tinggal bersama-sama didalam rumah yang didiami oleh ketua keluarga di kariah Masjid Himmatul Aliyah. Sebagai contoh ahli-ahli keluarga iaitu; Suami, Isteri, Isteri-isteri, ibu-bapa, ibu-bapa mertua, anak-anak, anak-anak angkat, adik beradik yang bujang, saudaramara Terdekat (mahram) yang bujang. (Tidak termasuk orang yang menyewa bilik dirumahnya).
6. Kanak-kanak ialah yang belum akil baligh menurut hukum syarak. Bagaimanapun jika tubuh-badannya menyamai saiz orang dewasa peruntukan pengendalian jenazah dalam Fasa-8 dikategorikan sebagai jenazah dewasa.
7. Warga Emas ialah lelaki dan perempuan yang berumur 60 tahun ke atas.

FASAL 7 : PINDAAN PERATURAN

1. Sebarang pindaan peraturan hendaklah dibincangkan dahulu diperingkat Ahli Jawatankuasa KHAIRAT KEMATIAN MASJID HIMMATUL ALIYAH dan hendaklah mendapat undi majoriti daripada Mesyuarat Agong Ahli dan dipersetujui oleh semua Ahli Jawatan Kuasa Khairat kematian.
2. Keputusan pada Fasal 7(1) tertakluk kepada persetujuan Ahli Jawatankuasa Induk Masjid Himmatul Aliyah.
3. Pindaan hanya boleh diguna pakai setelah Fasal 7(2) diluluskan oleh majoriti Ahli Jawatankuasa Induk Masjid Himmatul Aliyah.

FASAL 8 : PERUNTUKAN PERBELANJAAN PENGENDALIAN JENAZAH

1. Bacaan Tahlil untuk si mati selama tiga (3) hari/malam dan penyediaan makanan dengan nilai RM300.00 (3 hari) selepas tahlil, bagi meringankan bebanan waris.

2. Perbelanjaan pengurusan jenazah.

	Dewasa	Kanak-kanak
Ahli	RM1250.00	RM800.00
Covid-19	RM1550.00	RM1100.00
Bukan Ahli	RM1450.00	RM900.00
Covid-19	RM1750.00	RM1200.00
Warga Asing	RM1600.00	RM900.00
Covid-19	RM1900.00	RM1200.00

Pecahan Kos

(Ahli Khairat)

Bil.	Item	Dewasa RM	Kanak-kanak RM
1	<i>Saguhati Imam</i>	100.00	100.00
2	<i>Saguhati Bilal</i>	150.00	150.00
3	<i>Penggali Kubur</i>	500.00	200.00
4	<i>Kubur (Jln Kebun Barat)</i>	100.00	100.00
5	<i>Papan Lahat</i>	200.00	100.00
6	<i>Kenderaan Jenazah</i>	100.00	100.00
7	<i>Kain Kapan</i>	200.00	50.00
	<i>Jumlah</i>	1350.00	900.00

(Bukan Ahli)

Bil.	Item	Dewasa RM	Kanak-kanak RM
1	<i>Saguhati Imam</i>	150.00	100.00
2	<i>Saguhati Bilal</i>	200.00	150.00
3	<i>Kubur</i>	700.00	350.00
4	<i>Kenderaan Jenazah</i>	150.00	100.00
5	<i>Kain Kapan</i>	250.00	100.00
	<i>Jumlah</i>	1450.00	900.00

(Warga Asing)

Bil.	Item	Dewasa RM	Kanak-kanak RM
1	<i>Saguhati Imam</i>	200.00	150.00
2	<i>Saguhati Bilal</i>	200.00	150.00
3	<i>Kubur</i>	700.00	350.00
4	<i>Kenderaan Jenazah</i>	200.00	150.00
5	<i>Kain Kapan</i>	300.00	200.00
	<i>Jumlah</i>	1600.00	1000.00

* Covid-19 tambahan RM300.00 (Dewasa / Kanak-kanak)

* Kadar Bayaran Tanah Kubur berbeza setiap tempat

2.(4)1- Tanah Perkuburan Islam Jalan Kebun Barat (RM100.00)

2- Tanah Perkuburan Islam Rhudatul Sa'adah Johan Setia
(RM700.00 - Dewasa / RM350.00 - Kanak-kanak)

3- Tanah Perkuburan Islam Seksyen 31 Kota Kemuning
(Pengurusan oleh MBSA)

Dewasa	Alamat
RM270.00	Alamat dalam permit kematian dalam daerah Shah Alam
RM390.00	Alamat dalam permit kematian bukan dalam daerah Shah Alam
RM450.00	Warga Asing / Jenazah tiada waris

4- Tanah Perkuburan Islam Simpang Lima (RM500.00)

** Sekiranya berlaku kematian ketika *lockdown* segala perbelanjaan pengurusan nilai yang sama ketika tidak *lockdown* akan dibayar kepada waris.

3. Perbelanjaan Penghantaran Jenazah Luar Kariah Masjid Himmatul Aliyah

A) Elaun Pemandu Van Jenazah , di bayar daripada tabung khairat.

- Pemandu pertama - RM200.00

- Pemandu kedua - RM200.00

B) Kos : Petrol , Tol & Makan akan di tolak dari jumlah *milage* yang di bayar oleh waris. (Pemandu mesti sertakan resit asal sebagai bukti belian)

C) *Milage* : 1km = RM2.50 (sehala)

- Pembahagian daripada jumlah bayaran perjalanan jenazah
60% - Pemandu 40% - Masjid

** Semua nilai tertakluk pada perubahan harga semasa.

FASAL 9 : MESYUARAT

1. Mesyuarat AJK Biro Khairat Kematian hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan untuk membincangkan hal-hal berkaitan ahli dan pembentangan kewangan oleh Bendahari.

2. Mesyuarat Agung Tahunan perlu diadakan dengan menjemput semua ahli yang mendaftar. Mesyuarat hendaklah membentangkan penyata kewangan, pindaan peraturan (jika ada) dan hal-hal yang berkaitan dengan hak-hak ahli. Setiausaha hendaklah menghantar notis kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Korum Mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya $\frac{1}{2}$ daripada jumlah ahli yang berbayar yuran keahliannya ataupun dua kali jumlah ahli jawatankuasa yang mana lebih rendah. Jika korum tidak mencukupi setelah satu jam daripada waktu yang ditetapkan maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke tarikh tidak melebihi 30 hari dari tarikh tersebut dan sekiranya korum masih tidak mencukupi, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat.

3. Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan sekiranya perlu dan diminta oleh sekurang-kurangnya $\frac{1}{5}$ dari jumlah ahli yang berbayar yurannya ataupun dipinta oleh jawatankuasa. Peruntukan Fasal 9(2) adalah juga terpakai ke atas Mesyuarat Agung Khas.

FASAL 10 : TANGGUNGJAWAB DAN HAK-HAK AHLI

1. Tiap-tiap ahli mempunyai tanggungjawab seperti berikut:-

- Memegang teguh serta mentaati Hukum Syarak dan Peraturan Biro Khairat ini;
- Menghadiri dan mengambil bahagian dalam kegiatan yang dijalankan oleh Biro ini;
- Menjelaskan yuran tahunan setiap tahun.

2. Jika berlaku kematian yang melibatkan tanggungan ahli dan nama jenazah tersebut tidak tersenarai dalam borang keahlian, ahli mempunyai hak mengemukakan

permohonan kepada Biro Khairat dengan bukti yang jelas & sah. Peruntukan diberi bergantung kepada keputusan siasatan yang dibuat.

3. Ahli yang berdaftar mempunyai hak untuk mendapat peruntukan seperti dalam Fasa-8 (iaitu bukan wang tunai jika jenazah diuruskan dikariah Masjid Himmatul Aliyah)

4. Jika ada baki daripada peruntukan perbelanjaan dalam Fasa-8, ahli berhak dan boleh menuntut baki tersebut (dalam bentuk wang tunai) setelah Bendahari menyediakan penyata kewangan. (Jika ahli yang meninggal dunia, Waris terdekat atau pengganti Ketua Keluarga boleh menuntut)

5. Ahli berhak mendapat sumbangan wang tunai seperti peruntukan dalam Fasa-8 jika jenazah tidak diuruskan di Kariah Masjid Himmatul Aliyah. (Jika ahli yang meninggal dunia, Biro ini akan menyerahkan peruntukan tersebut kepada waris terdekat atau pengganti Ketua Keluarga)

6. Ahli berhak meminta resit atau bukti pembayaran yuran daripada Bendahari Khairat.

7. Ahli atau pengganti ketua keluarga berhak meminta penyata perbelanjaan pengendalian Jenazah sekiranya tidak diterima selepas seminggu jenazah dikebumikan.

8. Ahli atau waris bertanggungjawab membayar kos perjalanan penghantaran jenazah di luar kariah (Fasal (8)3) jika jenazah di kebumi di luar kariah MHA.

11 : PERMOHONAN MENJADI AHLI

1. Ahli hendaklah mengisi semua maklumat dalam borang keahlian (e-khairat) dengan jujur dan ikhlas.

2. Link e-khairat (<https://www.e-khairat.com/himmatulaliyah/home>)

3. Yuran Pendaftaran (RM10) Yuran Tahunan (RM50) hendaklah disertakan ketika menyerahkan / submit borang permohonan.

4. Biro Khairat berhak untuk mengugurkan mana-mana senarai tanggungan yang tersenarai dalam borang keahlian yang tidak layak, setelah disiasat.

FASAL 12 : KEWANGAN

1. Dalam Mesyuarat tahunan, Bendahari hendaklah menyediakan penyata kewangan tahunan yang berakhir pada bulan Ramadan setiap tahun. Penyata tersebut hendaklah disemak oleh Bendahari Induk & Pemeriksa Kira-kira Induk. Penyata akaun Bank perlu disertakan didalam penyata kira-kira tahunan.

2. Bendahari Khairat Kematian hendaklah menyediakan penyata perbelanjaan sebenar pengendalian Jenazah selewat-lewatnya dua minggu dari tarikh jenazah dikebumikan.
3. Selain daripada peruntukan dalam Fasal-8, bendahari dibenarkan menyediakan peruntukan untuk kerja-kerja pentadbiran seperti menyediakan stationary, buku resit, rubber stamp, kertas tulis, kos photostat, bil telepon & SMS dan lain-lain yang berkaitan dengan urusan pentadbiran seperti persediaan Mesyuarat Agung.
4. Jumlah peruntukan dalam Fasal-12(5), mestilah mengikut keperluan yang munasabah dan tidak melebihi RM1000 dalam satu masa.
5. Jumlah yang melebihi RM1000 untuk sesuatu urusan dan keperluan (selain daripada fasal-8) mestilah mendapat mandat daripada majoriti Ahli yang membayar yuran ahli. (perlu diputuskan dalam mesyuarat agung atau mesyuarat khas yang melibatkan lebih separuh daripada ahli yang membayar yuran).
6. Bendahari dibenarkan menyimpan tunai runcit (petty cash) sehingga maksimum RM1000.00 sahaja dalam satu masa.

FASAL 13 : TANAH PERKUBURAN

1. TANAH PERKUBURAN JALAN KEBUN BARAT - (Ahli / Warga Asal - Kg Seri Gambut Sahaja)
Pengurus - EN. ISAFAWIL (Biro Khairat Masjid An Naim - 019 2998424)
2. TANAH PERKUBURAN ISLAM SA'ADAH JOHAN SETIA
Pengurus - Ustaz Wan (12 2356088)
3. TANAH PERKUBURAN ISLAM SEKSYEN 31 KOTA KEMUNING (Pengurusan oleh MBSA)
Pengurus - En. Erwan (011 50029945)
4. TANAH PERKUBURAN ISLAM SIMPANG LIMA KLANG

FASAL 14 : TUGAS-TUGAS AHLI JAWATANKUASA BADAN KHAIRAT KEMATIAN

1. Pengerusi Badan Khairat Kematian perlu menyediakan senarai tugas-tugas terperinci untuk setiap Ahli Jawatankuasa.
2. Senarai tugas-tugas mungkin berubah mengikut keperluan.
3. Senarai tugas-tugas hendaklah bertulis dan diberi penerangan supaya setiap AJK memahaminya.

Kemaskini : 6 Ogos 2026